



JMB MC AMANSIARA

Management Office, Level 1, Clubhouse,
Taman Amansiara, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 011-2621 6811 Fax : 03-6731 5149 Web: www.amansiara.org.my



Minit Mesyuarat Tergempar JMB MC Amansiara (2022/008)

Tarikh : 20hb Jun 2022

Tempat : Bilik Mesyuarat, Pejabat Pengurusan JMB MC Amansiara

Masa / Hari : 8.30pm / Isnin

Hadir:

1. Ramesh Sandiran (Pengerusi)
2. Michael Jude (Setiausaha)
3. Wan Muhammad Khairul Anwar bin Ibrahim (Bendahari)
4. Lim Soon Cheong
5. Ng Wai Ket
6. Soo Han Wei
7. Kuah Poh Wei

AGENDA

- (1) Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) Taman Amansiara.



JMB MC AMANSIARA

Management Office, Level 1, Clubhouse,
Taman Amansiara, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 011-2621 6811 Fax : 03-6731 5149 Web: www.amansiara.org.my

PERMULAAN

Encik Ramesh memulakan mesyuarat pada jam 8.30 malam.



PERBINCANGAN

1. Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM)

Encik Ramesh memaklumkan kepada anggota jawatankuasa tujuan mesyuarat tergepang dipanggil pada hari ini berkaitan surat Pesuruhjaya Bangunan (COB) bertarikh 20Jun 2022 dengan rujukan: (52)d/m MPS 3/2-1406/496 (TH) Jld.8.

Dalam surat tersebut menyatakan bahawa JMB MC Amansiara perlu mengadakan Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) selaras dengan penerimaan satu salinan petisyen serta rekusisi telah dibuat secara bertulis oleh pemilik-pemilik. EGM hendaklah diadakan secepat yang boleh tetapi dalam mana-mana hal tidak lewat daripada enam minggu mengikut permintaan yang telah disimpan di alamat berdaftar perbadanan pengurusan.

Encik Ramesh mencadangkan kepada anggota jawatankuasa untuk melaksanakan nasihat yang diberikan oleh COB dengan merujuk kembali kepada surat bertarikh 25 Mei 2022 dengan rujukan (20)d/m MPS 3/2-1406/496 (TH) Jld 8 di mana JMB MC Amansiara dikehendaki untuk menjalankan tatacara mesyuarat (EGM) mengikut peruntukan Akta 757 sewajarnya.

Encik Lim Soon Cheong menanyakan masa yang singkat untuk mengadakan mesyuarat (EGM). Encik Ramesh memaklum bahawa mesyuarat perlu diadakan dalam dan/atau tidak melebihi enam minggu dari pihak pengurusan menerima salinan petisyen iaitu tarikh penerimaan pada 30 Mei 2022 dan tarikh akhir dan/atau sebelum untuk mengadakan mesyuarat adalah 12 Julai 2022.

Encik Soo Han Wei menanyakan tentang cara dan masa menyampaikan notis mesyuarat. Encik Ramesh menjawab pihak pengurusan menerima salinan petisyen pada 30 Mei 2022 dan notis mesyuarat (EGM) perlu disampaikan sekurang-kurangnya 14 hari diberikan kepada tiap-tiap pembeli dan cara penyampaian notis tersebut boleh secara serahan tangan atau kiriman pos berdaftar.

Encik Soo Han Wei juga menanyakan kiriman pos berdaftar akan merangkumi kos perbelanjaan yang tinggi. Encik Ramesh memaklum bahawa kegunaan kiriman pos berdaftar adalah bertujuan menyimpan rekod dan memastikan pihak pengurusan telah menyampaikan notis mesyuarat (EGM) kepada setiap pembeli mengikut rekod alamat terakhir supaya tidak wujud pertikaian kemudian hari.



JMB MC AMANSIARA

Management Office, Level 1, Clubhouse,
Taman Amansiara, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 011-2621 6811 Fax : 03-6731 5149 Web: www.amansiara.org.my

i. Agenda Mesyuarat (EGM)

Encik Ramesh memaklumkan bahawa hanya satu agenda dalam mesyuarat (EGM). Menurut Notis Ketetapan COB bertarikh 25 Mei 2022, perenggan 4, jelas menyatakan agenda mesyuarat (EGM) membincangkan hanya peralihan Ahli Jawatankuasa sahaja.

Diterima dan disokong oleh semua anggota jawatankuasa



ii. Cadangan Tarikh dan masa EGM

Encik Michael Jude mencadangkan tarikh, masa dan tempat untuk mengadakan mesyuarat (EGM) seperti berikut:

- a) Tarikh: 03 Julai 2022 (Ahad)
Masa: 2.00 petang
Tempat: Dewan gelanggang badminton
- b) Tarikh: 10 Julai 2022 (Ahad)
Masa: 2.00 petang
Tempat: Dewan gelanggang badminton

Encik Wan Muhammad Khairul Anwar menolak cadangan (a) atas sebab masa yang singkat untuk menyampaikan notis mesyuarat. Beliau juga menolak cadangan (b) disebabkan Hari Raya Haji diatuhkan pada hari tersebut. Beliau mencadangkan mesyuarat (EGM) diadakan pada 07 Julai 2022, hari Khamis, jam 8.30 malam.

Cadangan ini disokong oleh Encik Lim Soon Cheong dan Encik Ng Wai Ket

iii Cadangan Penyampaian Notis Mesyuarat

Demi tidak menimbulkan pertikaian berkenaan penyampaian notis mesyuarat oleh pembeli, Encik Lim Soon Cheong mencadangkan pihak pengurusan menghantar notis mesyuarat mengikut rekod alamat terkini pembeli disimpan di pejabat pengurusan dengan kiriman pos berdaftar.

Cadangan ini disokong oleh Encik Micheal Jude dan Encik Ramesh



JMB MC AMANSIARA

Management Office, Level 1, Clubhouse,
Taman Amansiara, 48000 Rawang, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 011-2621 6811 Fax : 03-6731 5149 Web: www.amansiara.org.my

Ketetapan

- Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) akan diadakan mengikut tatacara peruntukan Akta 757 seperti berikut:

Tarikh : 07 Julai 2022 (Khamis)
Masa : 8.30 malam
Tempat : Dewan Gelanggang Badminton, Taman Amansiara

Agenda : Membincangkan Perlantikan Ahli Jawatankuasa,
JMB MC Amansiara.

- Menggunakan kiriman pos berdaftar untuk penyampaian notis mesyuarat (EGM) kepada setiap pembeli mengikut rekod alamat pembeli terkini yang disimpan di pejabat pengurusan.
- Surat pemakluman mesyuarat (EGM) dihantar kepada COB sebagai rujukan.

Penutup

Encik Ramesh mengucapkan terima kasih kepada anggota jawatankuasa yang sudi menghadiri mesyuarat. Mesyuarat ditamatkan pada jam 10.15 malam.

Disediakan oleh,

(Michael Jude):
Setiausaha JMB MC Amansiara

Diluluskan oleh:

(Ramesh A/L Sandiran)
Pengerusi JMB MC Amansiara

